

NASKHAH PERCUMA

فریدان کما جوان اقتضاد نخزی یکملنی



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

PENGERAK PEMBANGUNAN UMMAH BIL 2 / APRIL - JUN 2012

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)



# BUMI KELANTAN

## Kaya Sumber Mineral



Tok Bali Bay  
Pemangkin  
Pembangunan  
Setempat  
► MS 12

SLST Maju  
Selangkah Lagi  
Ke Hadapan  
► MS 14

PKINK Bina Service  
Aparment di Pantai  
Cahaya Bulan  
► MS 13

Kelantan Ke  
Arah Pertanian  
Organik  
► MS 14

► MS 5

Singgah sebentar di R&R

# Tok Bali Bay

*Agro Tourism*



**Medan Ikan Bakar** **Kopitiam** **Surau**  
**Pasar Ikan Tok Bali** **Kraftangan** **Medan Ikan Bakar**  
**Tandas Awam** **Kedai Rakyat 1 Malaysia** **Kopitiam**  
**Kopitiam** **Kraftangan** **Pasar Ikan Tok Bali**





- |  |  |  |
|--|--|--|
| 4 Sidang Editor & Dari Meja Ketua Editor         | 16 Syarikat Ladang Sungai Terah hargai peranan anggota           | 26 Mesyuarat Agung KSK PKINK berjalan lancar                     |
| 5 Bumi Kelantan kaya sumber mineral              | 17 PKINK terima kunjungan delegasi Iran                          | 27 Bengkel Pelan Transformasi garap idea perkukuh Kumpulan PKINK |
| 11 Ekspo Perdagangan Dunia Islam tampil kelainan | 17 Majlis Pelancaran "Halal Vendor Development Programme" (HVDP) | 28 12 Keutamaan dan manfaat sedekah                              |
| 12 Tok Bali Bay pemangkin pembangunan setempat   | 18 Berita Bergambar  | 30 Hari Keluarga PKINK kukuhkan ukhwah                           |
| 13 PKINK bina Service Apartment di PCB           | 20 7 tips memajukan perniagaan                                   | 31 10+ amalan emel terbaik untuk dikongsi                        |
| 14 Kelantan ke arah pertanian organik            | 23 PKINK terima kunjungan 5S Pusat Kaunseling MAINS              | 34 Bengkel Kemahiran Komputer @ Program Cuti Sekolah             |
| 14 SLST maju selangkah lagi ke hadapan           | 23 PKINK naib johan Pertandingan Wau Bercahaya                   |  |
| 15 SPPsertai MAPEX 2012                          | 24 Mesyuarat Agung KPKINKB lantik dua ahli lembaga baru          |  |
| 16 PKINKsertai Walk With Me 2012                 | 25 Koperasi PKINK Berhad ceburi sektor perladangan               |  |





# Selembar Amanat

Dari meja Ketua Editor

## SIDANG EDITOR

### PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah  
Ketua Eksekutif

### KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh  
*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia*

### TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain  
*Penolong Pengurus Pengurusan  
Sumber Manusia*

### WARTAWAN

A. Ubaidillah Alias  
Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh  
Pn. Zakiah bt. Mohamed  
Pn. Hawa bt. M.Salleh  
Ramli b. Hamzah

### JURUGAMBAR / PENGEDARAN

Tuan Hissam Tuan Mamat

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri  
Kelantan

Tingkat 8-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan  
Tel: 09-7414141  
Fax: 09-7414069

### PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.

Assalamualaikum wrt wbt

**D**alam Islam mengurus dan membelanjakan harta adalah antara amanah Allah. Ia adalah satu keperluan yang bertujuan mencapai kehidupan yang diberkati. Perspektif yang tepat terhadap harta akan memastikan seseorang itu mencapai bahagia di dunia dan di akhirat menerusi hartanya. Harta mempunyai kedudukan yang sangat mulia di sisi Islam. Islam menggalakkan umatnya memiliki, menghasil dan menggunakan harta dengan baik dan bijaksana.

Islam juga menyeru agar menjadikan kehidupan ini dapat memberi manfaat kepada orang lain sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Sebaik-baik kamu adalah yang paling banyak memberi manfaat*”. Di dalam ajaran Islam, dunia adalah tempat sementara yang hanya sebagai jambatan untuk ke akhirat, dunia sebagai tempat bercucuk tanam dan akhiratlah tempat untuk menuainya. Walaupun dunia bersifat sementara, Islam dengan pelbagai kaedah dan pendekatan mengajar umat manusia supaya mempunyai status sosial dan ekonomi yang baik. Oleh itu, Islam memerintahkan supaya harta dan kehidupan diuruskan dengan baik dan bijaksana. Jika sebaliknya ia akan menjadi faktor keruntuhan manusia dan kemurkaan Allah seperti dalam surah Saba' ayat 15 - 16 dan surah al-Nisaa' ayat 10 dan 161.

### Konsep pengurusan harta

Secara umumnya ada lima aspek atau elemen utama pengurusan harta secara Islam. Pertama, Penghasilan Harta (*Wealth Creation*). Sebagai seorang Muslim yang sejati, Islam menggalakkan umatnya mencari harta dan tidak hanya pasrah pada qada' dan qadar seperti di dalam surah al-Juma'ah ayat 10. Kedua, Pengumpulan Harta (*Wealth Accumulation*) atau dengan erti yang lain bermaksud pengembangan harta. Adalah tidak wajar jika harta yang kita ada disimpan begitu saja tanpa mengembangkannya sebagaimana dalam surah Yussuf ayat 47-48.

Ketiga, Perlindungan Harta (*Wealth Protection*). Sebagai jaminan hidup di dunia ini selain mempunyai simpanan dan harta yang mencukupi, diri kita dan harta kita juga harus dijaga daripada sebarang musibah dan perkara-perkara yang tidak diingini. Keempat, Pengagihan Harta (*Wealth Distribution*). Islam memperuntukan beberapa cara atau kaedah untuk pengagihan harta sebelum atau selepas mati. Antara instrumen perancangan harta adalah wakaf, wasiat, hibah dan sebagainya. Kelima, Penyucian Harta (*Wealth Cleansing*). Sebagai seorang Muslim kita tidak sewenang-wenang membelanjakan atau mempergunakan mengikut kehendak dan hawa nafsu. Ini kerana setiap harta ada hak yang tertentu untuk dibahagikan seperti berzakat dan amal jariah kita seperti sedekah. Ini terbukti dalam surah al-Baqarah ayat 195.

Semoga kita semua bijak dan cerdik dalam menguruskan kewangan agar berpaksikan kepatuhan kepada syariah. Insya Allah!

Sekian, wassalam

**HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH**

Pengurus Pengurusan Sumber Manusia



Kawasan lombong emas di  
Kampung Pulai, Gua Musang

# Bumi Kelantan kaya sumber mineral

Mungkin tidak ramai mengetahui bumi Serambi Mekah kaya dengan pelbagai logam. Sebelum ini kita dikejutkan dengan penemuan minyak dan gas di perairan Kelantan. Sedangkan sebelum ini tiada maklumat mengenainya dipapar untuk pengetahuan umum. Hanya selepas Jabatan Perangkaan mengeluarkan data negeri pengeluar utama minyak di Malaysia pada 2004, barulah diketahui Kelantan merupakan negeri pengeluar minyak utama di negara kita.

Kemudian pada 2009 isu tersebut menjadi bertambah nyaring apabila Kelantan secara rasmi menuntut hak ke atas royalti minyak sebagaimana tertera pada perjanjian 1975.

Perjuangan rakyat Kelantan menuntut hak ke atas petroleum tambah marak ketika berlangsung pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Manek Urai pada Julai 2009.

Sejak pendedahan tersebut, sahlah Kelantan merupakan antara empat negeri pengeluar minyak utama di Malaysia. Negeri lain iaitu Terengganu, Sarawak dan Sabah.

Bagaimanapun bukan sekadar minyak ada di bumi Kelantan, sebaliknya kaya dengan sumber galian seperti emas, bijih besi, feldspar, batu marmor, granite dan barit dalam bumi Kelantan.

Persidangan Tahunan Persatuan Geologi Malaysia

2001 mendedahkan sebahagian daripada formasi emas di Malaysia ditemui di Gua Musang. Ia merupakan jajaran daripada kawasan Penjom, di Kuala Lipis.

Batuan dasar kawasan Penjom terdiri daripada batuan sedimen (batu lodak, batu pasir dan batu kapur) dan batuan volkanik (tuf dan tuf berbatu). Lapisan batuan sedimen kemudian direjahi batuan igneus yang terdiri daripada mikrogranit, riodesit dan telerang kuarza.

Kewujudan emas hasil pememineralan bersama dengan pirit, kalkopirit, galena, arsenopirit dan sfalerit yang secara am terjadi pada zon ubahan batuan.

Bukti kewujudan emas tersimpan pada peta lama Portugis. Nama GEMIH ditulis sebagai Gummay yang bermaksud sebuah pusat perusahaan emas.

Menurut Kolonel Gerini (1904), Gemih masih merupakan pusat perlombongan emas orang-orang Melayu di Gunung Ledang sehingga tahun 1817.

Ketika zaman imperialisme, British menguasai pengeluaran emas di Pahang.

Rounsevelle Wildman, seorang penulis terkenal dari Amerika Syarikat menemui seketul logam yang diambil dari kawasan lombong di tebing Sungai Gemih pada 1894, apabila dileburkan didapati mengandungi emas.

Rezab emas negara dikatakan masih lagi tersimpan sebanyak 106,000 ton berdasarkan kepada kajian-kajian yang dilakukan. Malaysia termasuk dalam kalangan 30 negara terbesar memiliki emas. Menurut kajian, Malaysia berada di tangga ke-39 dunia mempunyai rezab emas.

Perlombongan emas di Malaysia hanya terhad di kawasan dikenali sebagai Jalur Tengah yang terbentang dari tanah tinggi Batu Melintang, Jeli sehingga Gunung Ledang di Johor.

Lombong terbesar yang masih aktif iaitu di Penjom, Kuala Lipis. Selain itu Kuala Selinsing, Damar Reef dan Tersang juga di Pahang. Terdapat juga lima lombong di Jeli. Emas yang dijumpai mengikut pengiraan standard, emas 24K dengan peratus ketulenan 99.99 peratus.

Kajian Ramdanshah Bacho dan Mohd Rozi Umor (2001) mendapati geokimia tonalit berangkat dan leukogranit kenerong menjadi petunjuk kepada pembentukan dan asalan magma di Gunung Stong, Kelantan. Kekayaan sumber tersebut pernah dikaji Jabatan Mineral dan Geosains (JMG). Berdasarkan kepada data JMG didapati kawasan berpotensi dengan simpanan terukur lempung (tanah liat) yang kaya dengan sumber galian terdapat di 11 lokasi di Kelantan.

Antaranya, Kampung Gertak

**Berdasarkan kepada data JMG didapati kawasan berpotensi dengan simpanan terukur lempung (tanah liat) yang kaya dengan sumber galian terdapat di 11 lokasi di Kelantan.**

3 – Kampung Padang Lichin, Gual Lemsa – Cherang Hangus, Kampung Bakong Kechik, Kampung Cheker, Kampung Banggol Nangka, Kampung Lubuk Kuin, Bukit Tak Junus, Mukim Bukit Jawa – Mukim Mahligai.

Selain itu Mukim Sering – Mukim Tawang, Pengkalan Kubur dan Kampung Nering, Pengkalan Mak Wan.

Kesemua kawasan terbabit mempunyai anggaran simpanan terukur lempung bebola sebanyak 36 juta tan metrik dan lempung berbelak (73.4 juta tan metrik).

#### **Kelstone Sdn Bhd**

Mengambil kira kekayaan bumi Kelantan dengan sumber mineral, kerajaan negeri mewujudkan Kelstone Sdn Bhd, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bagi memastikan sumber bumi tersebut dimanfaat sebaik mungkin.

Selain itu ada beberapa agensi lagi yang juga terbabit secara tidak langsung dengan industri perlombongan iaitu Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Yayasan Kelantan Darulnaim (Yakin).

Kegiatan perlombongan di Kelantan dikawal di bawah Enakmen Mineral Negeri dengan seliaan di bawah Pejabat Tanah dan Galian (PTG). Jawatankuasanya turut dianggotai JMG, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian.

Terdapat dua lesen yang dikeluarkan bagi aktiviti perlombongan iaitu lesen prospek bagi kawasan seluas 50 hingga 400 hektar dan lesen eksplorasi (400 – 20,000 hektar).



**HAJI MOHD SHAH  
AB KADIR**



Namun Kelstone diberi tanggungjawab lebih khusus dalam bidang perlombongan. Kelstone yang diketuai Haji Mohd Shah Ab Kadir mahu memastikan kekayaan sumber mineral di bumi Kelantan dieksploti bagi mendatangkan pulangan hasil kepada kerajaan negeri.

### Batu kapur (*limestone*)

Galian yang banyak terdapat di Kelantan antaranya batu kapur berkalsium tinggi. Ia boleh digunakan bagi menghasilkan serbuk kalsium karbonat dan kapur tohor (*quick lime*).

Anggaran simpanannya di bumi Kelantan sebanyak 179.9 juta tan metrik. Antara kawasan yang berpotensi mempunyai simpanan batu kapur iaitu di Dabong (14 juta metrik tan), Sungai Serasa (35 juta metrik tan), Sungai Terah (0.2 juta metrik tan), Gua Musang (50 juta metrik tan), Batu Papan (65 juta metrik tan), Sungai Tupai 3.4 juta metrik tan) dan Pulai (12.3 juta metrik tan).

Batu kapur ( $\text{CaCO}_3$ ) digunakan antara lain sebagai bahan untuk menurunkan kadar sulfur, bahan pembuat soda api, piler kare, kabel, penurunan kadar asam air, industri pupuk, pengkristal gula tepung, penetral limbah, ekstraksi peleburan besi, separator (pemisah) logam mulia, bahan baku semen.

Selain itu sebagai bahan baku gelas pewarna, pemutih kertas pakaian, penyamak kulit, campuran minuman soda, farmasi, bahan pembuat cat, bahan keramik, pemadam api, industri kimia dan banyak lagi.

Lombong felsfar di Tanah Putih, Gua Musang



### Feldspar (batuan volkanik beralkali tinggi)

*Feldspar* ialah istilah umum bagi kumpulan silikat aluminium yang mengandungi kalium, natrium dan kalsium. Kegunaan utama feldspar untuk industri kaca dan seramik.

Menurut kajian JMG feldspar yang terdapat di Gua Musang mengandungi isi kandung alkali iaitu  $\text{Na}_2\text{O} + \text{K}_2\text{O} > 6.5$  peratus.

Antara lokasi yang ditemui iaitu di Bukit Gong dengan keluasan 0.42 km persegi, Sungai Semor (0.50 km<sup>2</sup>), Tanah Putih (1.11 km<sup>2</sup>), Kampung Sungai Tupai (0.35 km<sup>2</sup>), Pulai (0.6 km<sup>2</sup>), Ulu Sungai Merapo (0.45 km<sup>2</sup>), Ulu Sungai Keneras (3.11 km<sup>2</sup>), Kuala Tuang (3.11 km<sup>2</sup>), Utara Padang Malir (0.40 km<sup>2</sup>) dan Padang Malim (0.80 km<sup>2</sup>).

Perlombongan *feldspar* yang dijalankan Kelstone dengan kerjasama syarikat swasta di Mukim Pulai, Daerah Galas, Gua Musang. Perlombongan itu mula beroperasi



Serbuk felsfar yang beralkali tinggi dihasil di kuari Tanah Putih.

secara komersial pada 2009 dan jumlah pengeluaran feldspar sehingga 2011 sebanyak 107,211.90 tan metrik.

Mohd Shah berkata, sehingga Mei 2012 pengeluaran feldspar di lombong tersebut bernilai RM8 juta.

“Pada 2014 pihak syarikat merancang membina kilang yang lengkap dengan makmal melibatkan pelaburan kira-kira RM100 juta,” katanya.



Mohd Shah menunjukkan lokasi batuan bermutu tinggi yang terdapat di Kelantan.



## Batu marmor

Kekayaan bumi Kelantan dengan sumber mineral yang pelbagai kini tidak mampu dinafikan lagi.

Antaranya batu marmor kini dijalankan secara agresif di Bukit Batu Bong, Mukim Ulu Nenggiri, Bertam, Gua Musang.

“Kerja-kerja pembangunan di kuari batu marmor tersebut dimulakan pada Mei 2010. Dan pada Mac lalu blok-blok mentah marmor berjaya dihasilkan.

“Blok batu marmor tersebut berukuran 1.5 meter lebar, 3 meter panjang dan 1.5 meter tinggi,” katanya ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Projek kuari marmor tersebut dibangunkan Kelstone dengan kerjasama CEP Resources sebuah syarikat dari China. Kawasan seluas 65 ekar diluluskan Pejabat Tanah dan Galian Kelantan sebagai kuari batu marmor.

Operasi menghasilkan batu marmor juga mendapat kelulusan JMG. Batu marmor mentah yang dihasilkan di Bukit Batu Bong kemudian dibawa ke Simpang Pulai, Perak untuk dipolish (*polishing process*).

Mohd Shah berkata, syarikat terbabit akan membuka



*Mesin gergasi digunakan bagi memecah bukit batu marmor*

kilang memproses batu marmor selepas tiga tahun kuari tersebut beroperasi.

“Dengan adanya kilang memproses batu marmor di Gua Musang nanti, syarikat tidak perlu lagi menghantar batu marmor yang sudah dipotong untuk dipolish di Simpang Pulai Perak.

“Ini secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan bagi menjana lagi ekonomi Kelantan,” ujarnya.

*Kuari lombong batu marmor di Bukit Batu Bong, Bertam Gua, Musang.*



*Mohd Shah menunjukkan ketulan batu marmor*





## Perlombongan emas

Manakala perlombongan emas sekarang dijalankan di dua tempat di Kelantan iaitu Mukim Sokor di Tanah Merah dan Kampung Pulai di Gua Musang.

Di Sokor perlombongan emas diusahakan sebuah syarikat dari China iaitu China Nonferrous Metal Mining (Group) Co. Ltd (CNMC). CNMC sebuah konglomerat dari China yang terlibat dengan perlombongan sumber galian bukan ferus di seluruh dunia.

Syarikat terbabit ditubuhkan pada 1983 dan ia diuruskan oleh Suruhanjaya Penyeliaan dan Pentadbiran Majlis Negeri Aset Negeri.

CNMC mempunyai lombong di Zambia, Mongolia, Thailand, Malaysia dan Laos. Syarikat berkenaan juga melabur dalam perlombongan tembaga, aluminium, nikel, zink, tantalum, niobium dan berilium.

Di Malaysia operasi CNMC di Mukim Sokor, Tanah Merah, Kelantan yang mulai melakukan eksplorasi sejak 2006. Dan pada 2010 syarikat berkenaan yang menjalankan usahasama dengan Kelstone Sdn Bhd mulai mengeluarkan jongkong emas.

“Kerajaan negeri meluluskan kawasan seluas 1,950 ekar bagi aktiviti perlombongan emas. Kawasan tersebut sebenarnya telah diusahakan sejak zaman penjajah lagi di mana terdapat kesan-kesan terowong sepanjang kira-kira 30 meter.

“Kerja-kerja yang dilakukan sekarang masih secara hard rock dengan cara menggali batuan keras untuk mendapatkan emas,” kata Mohd Shah.

Hard rock merupakan teknik perlombongan batu keras di bawah tanah iaitu menggali mineral keras yang mengandungi bijih emas, perak, besi, tembaga, zink, nikel, bijih timah dan plumbeum.

Kaedah serupa juga digunakan untuk mengorek bijih daripada permata seperti berlian.

Bagaimanapun kata Mohd Shah perlombongan yang dijalankan CNMC masih lagi dalam tempoh percubaan dan belum lagi mencapai tahap kapasiti penuh (*full stream*).

“Kerajaan negeri meluluskan kawasan seluas 1,950 ekar bagi aktiviti perlombongan emas. Kawasan tersebut sebenarnya telah diusahakan sejak zaman penjajah lagi di mana terdapat kesan-kesan terowong sepanjang kira-kira 30 meter.

Menurutnya perlombongan secara *hard rock* sehingga sekarang menghasilkan muatan batuan yang dilombong kira-kira 1,000 lori dalam tempoh seminggu.

“Batuan yang mengandungi emas diangkat menggunakan lori untuk diproses di tempat khas bagi memisahkan kandungan emas mentah.

“Kemudian emas mentah diproses menggunakan mesin khas untuk menghasilkan jongkong. Emas yang dihasilkan di situ mencapai standard piawaian emas 95 peratus. Harga pasaran kira-kira RM160,000 bagi 1 kg,” ujarnya.

Manakala perlombongan emas di Kampung Pulai, Gua Musang dijalankan sebuah syarikat dari Australia. Perlombongan emas di Gua Musang menggunakan kaedah palung dan *hard rock*.

Perlombongan emas aluvial di Kampung Pulai Daerah Galas bermula pada September 2011 membabitkan kawasan yang diluluskan kerajaan negeri seluas 257 hektar secara pajakan dalam tempoh 10 tahun.

Kaedah perlombongan sekarang lebih tertumpu kepada menggunakan sistem palung. Dijangka syarikat terbabit akan melakukan perlombongan secara hard rock dua tahun lagi.

Jumlah pengeluaran emas di lombong tersebut pada 2011 sebanyak 29,402.54 gram. sehingga sekarang pengeluaran emas di kawasan tersebut sekitar 12 kg sebulan dengan purata hasil sekitar RM2 juta.

Mohd Shah berkata, peningkatan pengeluaran emas boleh menambahkan lagi sumber hasil kerajaan negeri. Kadar royalti 5 peratus dikenakan bagi setiap hasil lombong.

“Kedua-dua kawasan perlombongan emas tersebut berpotensi menyumbang hasil baru yang lebih tinggi kepada kerajaan negeri pada masa akan datang.

“Sebab itulah Kelstone sekarang sedang memperkasakan lagi aktiviti perlombongan dengan mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan secara terancang,” ujarnya.



Kristar barit yang dihasilkan daripada batu barite



Contoh batu barit yang belum diproses

### Barit (barite)

Barite atau barit ( $\text{BaSO}_4$ ) adalah mineral yang terdiri daripada sulfat barium. Kumpulan barite juga terdiri daripada baryte, celestine, anglesite dan anhidrat. Barite pada umumnya berwarna putih atau tidak berwarna, merupakan sumber utama barium.

Barite dan Celestine membentuk larutan pepejal ( $\text{Ba, Sr}$ )  $\text{SO}_4$ . Barit yang terpancar kadang-kadang dirujuk sebagai bologna batu sebagai bahan alkimia untuk spesimen pendar yang dijumpai dalam abad ke-17 berhampiran Bologna oleh Vincenzo Casciarolo.

Barite berlaku akibat persekitaran depositional dan disimpan melalui sejumlah besar proses termasuk biogenik, hidrotermal dan penyejatan.

Barite biasa wujud dalam plumbum zink urat dalam batu kapur atau dalam deposit kolam air panas. Ia sering dikaitkan dengan anglesite mineral dan celestine. Ia juga telah dikenal pasti terkandung dalam meteorit.

Fungsinya digunakan sebagai agen pemberat untuk menggerudi cecair dalam penerokaan minyak dan gas. Fungsinya untuk menindas tekanan pembentukantinggi dan mencegah *blowouts*.

Barit lebih diperlukan sebagai peratusan daripada jumlah campuran lumpur. Manfaat tambahan barit sebagai bahan bukan magnet. Barit yang digunakan dalam penggerudian petroleum boleh menjadi hitam, biru, coklat atau kelabu bergantung kepada jasad bijih.

Mohd Shah berkata, Kelantan merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai batuan barit. Ia terletak di Sungai Pedas, Laloh, Kuala Krai.

“Kelstone mengenal pasti kawasan seluas 100 ekar di lokasi tersebut mengandungi batuan barit. Kawasan itu sebelum ini sudah dilombongkan di mana tanah yang mengandungi barit dieksport ke luar negara.

“Dan pada akhir tahun ini Kelstone akan memulakan operasi baru di kawasan tersebut selepas mendapat kelulusan PTG dan JMG. Harga barit begitu tinggi di pasaran kerana ia digunakan sebagai bahan dalam kerja-kerja penggerudian telaga minyak,” ujarnya.

### Kesimpulan

Mohd Shah berkata, kekayaan bumi Kelantan akan dieksplot sepenuhnya bagi menjana sumber hasil baru kepada kerajaan negeri.

“Sebahagian bumi negeri ini dikenal pasti mempunyai bahan galian yang berharga. Cuma sekarang perlu diusahakan bagi memastikan bahan mentah tersebut dapat dimanfaatkan,” kata beliau.

### Bijih besi

Bijih besi ditemui di Kampung Gual Dalam, Bukit Kwong Rantau Panjang. Sebelum ini kawasan itu merupakan kebun getah milik penduduk.

Galian itu ditemui pada 2010 di bahagian selatan Bukit Kwong. Kawasan seluas 80 ekar milik penduduk disahkan mengandungi bijih besi.

Di bahagian hilir pula baru ditemui galian terbabit akhir 2011 membabitkan kawasan seluas 70 ekar.

Penemuan bijih besi juga menyebabkan harga tanah di kawasan terbabit meningkat kepada lebih RM100,000 seekar. Bijih besi yang dilombong di situ sekitar 4,000 ke 5,000 tan sehari. Tanah-tanah yang mengandungi bijih besi disodok menggunakan jentera dan dibawa ke pelabuhan Tok Bali sebelum dieksport ke China.

Kestone pula menemui bijih besi di Sungai Tiong yang membabitkan kawasan seluas 18,000 ekar.

“Pada masa hadapan kita merancang mahu membina kilang bagi memproses bijih besi dan tidak lagi dieksport secara mentah ke luar negara.

“Kelstone akan mewujudkan lebih banyak industri hiliran daripada pengilangan besi sebelum dieskport ke luar negara,” katanya.

Kewujudan kilang nanti membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Kelantan.



# *Ekspo Perdagangan Dunia Islam* tampil kelainan

**KOTA BHARU :** Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menyambut baik langkah Kerajaan Negeri Kelantan dalam menganjur Ekspo Perdagangan Dunia Islam 2012 untuk mempromosikan produk dunia Islam serta menyuburkan industri halal berdasarkan dinar dirham di Kelantan seterusnya memusatkan perkembangan ekonomi negeri ini.

Karnival yang berlangsung selama seminggu pada 15 hingga 21 Jun lalu di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV telah dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat.

Ekspo perdagangan ini merupakan siri penganjuran di peringkat antarabangsa melibatkan beberapa buah negara seperti Turki, Uzbekistan, Mesir, Iran, Brunei, Thailand, Indonesia, Palestin dan China.

Objektif program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat Kelantan mengenali dengan lebih dekat sistem perdagangan Islam serta menghubungkan secara terus antara rakyat khususnya anak

muda yang berbakat dan kreatif dengan 60 pengilang dari dunia Islam.

Program ini juga sebagai usaha kerajaan membantu rakyat di negeri ini mendapatkan peluang perniagaan serta pendedahan bagaimana untuk memulakan perniagaan.

Selain PKINK, penyertaan banyak pihak seperti Permodalan Kelantan Berhad (PKB) dan Ar -Rahn yang merupakan syarikat anak Kumpulan PKINK, Pebadanan Menteri Besar Kelantan, Kelantan Golden Trade dan pelbagai pihak lain lagi berupaya mengembangkan sistem ekonomi dan kewangan Islam di Kelantan khasnya dan kepada dunia Islam keseluruhannya. Ini sekaligus membuktikan bahawa kerajaan negeri bersungguh-sungguh dan berusaha memperjuangkan perdagangan Islam berdasarkan dinar dirham.

Pelbagai produk dunia Islam dan produk halal diketengahkan antaranya barang kraf tangan daripada kaca, besi, kulit, barang produk kesihatan dan barang plastik.

Turut diketengahkan ialah



bahan binaan, mesin-mesin industri sederhana, batu permata, pakaian Islam, motosikal teknologi luar negara yang menarik turut ditawarkan dengan harga murah di samping produk tenusu, hiasan rumah, produk makanan dan buah-buahan serta pelbagai barang lain.

Para usahawan juga berpeluang untuk berinteraksi dan membina hubungan perniagaan melalui program padanan perniagaan yang dikendalikan oleh PKINK. Selain itu PKINK juga telah dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai Sekretariat kepada Konvensyen Halal Berasaskan Dinar dan Dirham yang berlangsung pada 18 Jun 2012 bertempat di Kelantan Trade Centre, Kota Bharu.



# Tok Bali Bay

## pemangkin pembangunan setempat



**PASIR PUTEH :** Terminal Ikan Tok Bali (TIBA) yang dilaksanakan di atas tanah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) di pinggir Terusan Tok Bali dengan keluasan 1.4 ekar dengan kos RM 7.3 juta bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada pembangunan setempat, malah ia kini seakan-akan sebuah bandar kecil yang semakin sibuk dan menjadi penghubung antara negeri jiran Terengganu (Sekitar daerah Besut) dan Bandar Pasir Puteh.

Biarpun sebelum ini nama TIBA tidak begitu popular, namun kesungguhan PKINK untuk melihat pertumbuhan kawasan itu tidak terhenti dengan sekadar menyediakan sebuah jeti dan deretan kedai makan sahaja. Bermula awal tahun ini (2012), PKINK telah berusaha melantik sebuah syarikat yang dikenali Era Pertwi Sdn Bhd (EPSB) untuk menguruskan kawasan tersebut secara lebih efisien dan teratur.

Penglibatan EPSB dalam usaha membangunkan kawasan tersebut semakin terserlah apabila dalam masa yang singkat sahaja beberapa langkah telah diambil dalam membawa pembangunan ke kawasan tersebut.

Langkah menjenamakan semula TIBA kepada Tok Bali Bay adalah satu langkah yang tepat dalam usaha memperkenalkan kawasan tersebut selari dengan usaha membawa ke arah kepesatan dan menjadi tumpuan ramai.

Kini gerai penjualan ikan basah membolehkan peniaga mengaut keuntungan yang tinggi dan ada yang mencecah 200 hingga 300 kilogram sehari.

Kewujudan Pasar Malam dua kali seminggu juga berjaya meningkatkan pendapatan peniaga setempat dan ia semakin

sesak dengan kedatangan pengunjung terutamanya waktu malam.

Menurut Pemilik EPSB Mohd Suhaimi Wan Naman, setelah EPSB diberi kepercayaan oleh PKINK awal tahun ini untuk sama-sama memajukan kawasan tersebut, pihaknya telah mengambil langkah awal menjenamakan semula kawasan tersebut dan beberapa langkah telah berjaya dilaksanakan seperti menyusun semula gerai-gerai jualan. Di samping itu dengan adanya Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) ia kini telah menjadi tumpuan pengguna terutamanya dari Daerah Besut dan kawasan setempat.

Sementara itu, dalam masa terdekat, pihak EPSB akan mengusahakan kawasan jeti seluas 280' X 30 ' sebagai kawasan borong bagi sayuran dari negara jiran.

"Biarpun jeti yang ada ini tidak boleh digunakan sebagai jeti perikanan, namun Insya Allah kita akan jadikan ia sebagai kawasan pendaratan sayuran segar dari negara jiran (Thailand), pemberong sayur boleh datang ke kawasan jeti ini untuk mendapatkan pelbagai sayuran dengan harga yang rendah seperti yang diperolehi di Pekan Tak Bai," katanya lagi.

Jeti yang sedia ada ini juga akan dijadikan sebagai pendaratan bot pelancong yang akan menjadi pintu masuk pelancong ke pulau-pulau berhampiran seperti Pulau Perhentian, Pulau Redang dan Tioman.

Kewujudan Zon Wifi percuma juga telah disediakan oleh EPSB dalam usaha memberi kemudahan pengunjung yang berada di kawasan Tok Bali melayari internet dan kini ianya semakin menjadi tumpuan dengan beroperasinya Pelabuhan Tok Bali sejak Jun lalu.





# PKINK bina *Service Apartment* di PCB

Dengan berkonsepkan Service Apartment, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) memperuntukkan RM12.5 juta untuk membina 7 blok Apartment di Pantai Cahaya Bulan berhampiran dengan Perdana Resort.

Kini Fasa pertama sedang giat dijalankan merangkumi pembinaan 51 unit apartment di tiga blok iaitu Blok C (2 Blok) dan satu Blok D yang telahpun mencapai 60 peratus pembinaan. Apartment yang dibina di tapak tanah milik PKINK seluas 4.08 ekar itu akan menjadi mercu kejayaan PKINK dalam mencorakkan Apartment berkonsepkan percutian yang akan dikendalikan oleh pengurusan Perdana Resort.



HAJI MOHD SHAH  
AB. KADIR

Menurut Pengurus Projek dan Hartanah PKINK, Haji Mohd Shah Ab. Kadir, sehingga kini PKINK mengeluarkan modal pusingan terlebih dahulu dan selepas Apartment ini siap nanti ia akan diserahkan kepada SPP Development Sdn Bhd, anak syarikat PKINK untuk dijual kepada sesiapa yang berminat.

“Kita di PKINK kini sedang menyiapkan proses perjanjian atau lebih tepat lagi termasuk syarat penjualan apartment ini dan pada masa yang sama pembinaan apartment fasa satu giat dijalankan dan Insyaallah dijangka pada suku tahun pertama 2013



ia akan siap sepenuhnya.”ujar beliau.

Sementara itu menurut Mohd Shah lagi harga yang akan ditawarkan amat berpatutan dan dijangka bermula dengan RM 154 ribu ke atas berdasarkan keluasan unit apartment itu nanti.

Rakyat Kelantan diseru agar dapat merebut peluang ini iaitu membeli apartment dan diserahkan pada pengurusan Perdana Resort untuk diuruskan nanti.

Mohd Shah juga berkata walaupun proses pembinaan apartment ini melalui dua fasa, namun ia tidak akan menjelaskan pembinaannya nanti dan projek Service Apartment ini dijangka akan boleh diduduki sepenuhnya pada 2015.

Service Apartment ini akan menyediakan Kawalan Keselamatan sepenuhnya, di samping turut dilengkapi kemudahan kolam renang dan di setiap unit apartment akan dilengkapi dengan perabut dan peralatan.

Bagi memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor bumiputera, PKINK telah mengadakan Tender Terbuka bagi projek pembinaan Service Apartment ini walaupun PKINK sendiri mempunyai anak syarikat dalam pemaju perumahan.

“Alhamdulillah syarikat yang mengendalikan projek ini adalah syarikat bumiputera dan dari negeri Kelantan dan ini membuktikan kontraktor dari negeri ini masih mampu mengendalikan projek-projek mega,” katanya lagi ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini. ☺





Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat



## Kelantan ke arah *pertanian organik*

**KOTA BHARU:** Kesungguhan kerajaan Kelantan begitu menyerlah untuk menjadikan negeri ini sebagai sebuah Jelapang Makanan Negara 2015 sehingga mendapat sokongan penuh KDYMM Sultan Kelantan.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, kerajaan melalui agensi pertanian telah mengadakan Ekspo Pertanian Negeri Kelantan 2012 yang disempurnakan perasmianya oleh Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV pada 5 hingga 10 Jun lalu.

Ekspo yang bertemakan Bertani Satu Ibadah ‘Kelantan Ke Arah Pertanian Organik’ adalah kesinambungan pelbagai program yang telah dilaksanakan termasuklah penebusan tanah terbiar dan pelbagai skim galakkan bagi memajukan sektor pertanian, penternakan dan nelayan di negeri Kelantan.

Objektif program ini juga adalah untuk menyuntik semangat pengusaha tani, belia dan masyarakat untuk bertani serta memberi kesedaran khas kepada golongan belia bahawa bertani bukan kegiatan ekonomi semata-mata.

Penganjuran yang melibatkan 100 usahawan dan Agensi Kerajaan berkaitan sektor pertanian ini mempunyai keunikannya yang tersendiri apabila Sultan Muhammad V sudi mencemar duli untuk merasmikan dan melawat gerai-gerai pameran dan jualan.

Banyak aktiviti yang memberi nilai tambah disediakan pihak pengangur samada kepada peniaga-peniaga gerai jualan mahu pun kepada pengunjung-pengunjung.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tidak ketinggalan terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini. Seperti tahun sebelumnya, PKINK terus diberi kepercayaan untuk menjadi pengurus jawatankuasa pengisian aktiviti dan persembahan pentas.

Selain pameran dan gerai jualan, ekspo ini turut dimeriahkan dengan acara kebudayaan, sukan rakyat, perlawanan bola sepak antara Adun dengan Jabatan Kerajaan dan lain-lain acara yang menghiburkan. ☺

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

## SLST maju selangkah lagi ke hadapan

**KOTA BHARU :** Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd., anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah memeterai perjanjian membina kilang sawit tapis dengan Modipalm Engineering Sdn. Bhd pada 21 Mei lalu bertempat di New Pacific Hotel.

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Mohd. Sabri Abdullah berkata, kilang terbabit akan dibina di kawasan seluas 22 hektar dalam Ladang Sungai Terah, Jeli membabitkan kos lebih RM40 juta.

Beliau berkata, kilang tersebut dijangka siap dibina sepenuhnya menjelang tahun 2014 dengan kapasiti memproses minyak sawit sebanyak 30 tan metrik sejam.

Katanya, di bawah perjanjian tersebut, Modipalm akan membekalkan sistem yang akan digunakan pada kilang tersebut dengan diselia oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

“Kilang ini akan mempunyai 60 pekerja tidak termasuk pekerja kontrak. Kita akan membina kompleks perumahan termasuk masjid yang akan mewujudkan satu penempatan baru yang boleh memangkin pertumbuhan ekonomi dan pembangunan kawasan setempat,” katanya di sini, hari ini.

Beliau berucap pada majlis menandatangani perjanjian pembinaan kilang sawit tersebut yang disaksikan oleh Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat di sini.

Pada majlis itu, Ladang Sungai Terah diwakili oleh Haji Mohd. Sabri dan Pengurus Besarnya, Haji Zazali Japar, manakala Modipalm diwakili Pengarah Urusannya, Lim Chai Beng dan Pengurus Edaran dan Jualan, Mohd. Daniel Gan.

Hadir sama pada majlis tersebut, Pengurus Jawatankuasa Pertanian dan Industri Desa, Haji Abdullah Mat Nawi dan Pengurus Lembaga Pengarah Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd, Dato' Haji Omar Mohamad.





Oleh: SPP Development Sdn. Bhd.

# SPP Sertai MAPEX 2012



Ekspo Hartanah dan Perumahan atau lebih dikenali sebagai Malaysia Property Expo (MAPEX) anjuran Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) peringkat negeri Kelantan telah dilaksanakan selama 4 hari pada 28 hingga 31 Mei lalu bertempat di Centre Atrium KB Mall bersempena dengan cuti persekolahan dan program ini bermula dari jam 10 pagi hingga jam 10 malam. Penganjuran aktiviti ini pada setiap tahun adalah untuk menyediakan satu forum mudah untuk pemaju memperkenalkan harta tanah pelbagai jenis dan bagi pembeli rumah untuk melihat pelancaran terkini dan boleh didapati dan stok harta tanah semuanya di bawah satu bumbung. Bahagian Pemasaran SPP turut menyertai program ini memandangkan ia merupakan salah satu aktiviti pemasaran yang sering diadakan setiap tahun.

Program ini telah dijayakan oleh semua kakitangan Bahagian Pemasaran SPP dan turut dibantu oleh kakitangan Bahagian Kewangan & Pentadbiran SPP dan juga kakitangan Bahagian Operasi SPP. Program ini bermula pada jam 2.30 petang dimana ia dirasmikan oleh Wan Yusof B. Wan Mustapa selaku Timbalan Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerja Raya Utiliti, dan

Alam Sekitar. Sempena dengan MAPEX 2012, Pengurus Pemasaran telah memberi harga diskain untuk setiap tempahan dimana RM 500.00 bagi tempahan rumah teres 1 tingkat dan RM 1,000.00 bagi tempahan rumah teres 2 tingkat dan juga rumah banglo 1 tingkat. Dengan 3 projek terbaru iaitu Apartment D'Perdana Sri Cemerlang, Rumah Teres dan Banglo Kota SPP Warisan Fasa 3B &

4A, dan apartment Perdana Resort, booth SPP telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan pada hari pertama dengan seramai 17 orang telah mengisi borang prospek dan 1 orang telah membayar wang tempahan bagi projek Kota SPP Warisan-Fasa 3B.

Pada hari kedua, booth SPP menerima sedikit sambutan berbanding hari pertama dan seramai 8 orang telah mengisi borang prospek. Sambutan yang sedikit kurang ini bukan setakat berlaku di booth SPP sahaja malah di semua booth yang lain. Pada hari tersebut juga, 1 orang telah membuat bayaran tempahan bagi rumah teres 1 tingkat Kota SPP Warisan-Fasa 3B. Pada hari ketiga, sambutan yang diterima kembali rancak dimana booth SPP telah dikunjungi oleh ramai bakal-bakal prospek dan seramai 18 orang telah mengisi borang prospek. Pada hari terakhir, seramai 13 orang telah mengisi borang tempahan termasuk 1 orang telah membayar wang tempahan bagi projek Kota SPP Warisan-Fasa 3B dan booth SPP ditutup pada jam 10.00 malam.

Secara kesimpulannya, booth SPP telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan berbanding booth-booth lain memandangkan SPP mempunyai satu projek mega iaitu apartment D'Perdana Sri Cemerlang. Sepanjang aktiviti ini berlangsung, SPP telah berjaya "close-sale" seramai 3 orang untuk tempahan Kota SPP Warisan-Fasa 3B. Dengan tempoh lanjutan diskain tempahan yang diberikan oleh Pengurus Pemasaran, Bahagian Pemasaran akan cuba untuk "close-sale" prospek-prospek MAPEX seramai yang mungkin. Ini kerana terdapat prospek-prospek yang berpotensi untuk menjadi pembeli-pembeli produk SPP.



Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

# PKINK sertai Walk With Me 2012

**KOTA BHARU :** Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V meluangkan masa untuk berjalan sejauh tujuh kilometer bersama kira-kira 30,000 rakyat pada program Walk With Me 2012 yang mendapat perhatian semua lapisan masyarakat, NGO dan Jabatan Kerajaan.

Karnival Walkathon D'Raja Kelantan 2012 yang berlangsung pada 3 hingga 5 Mei lalu telah disempurnakan oleh Sultan Muhammad Ke-V yang juga turut mengetui acara berjalan kaki yang bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat.

Turut menyertai walkton adalah YTM Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faiz Petra, YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri, Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pelajar sekolah dan rakyat jelata.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menyambut baik program ini dengan menyertai pameran serta menghantar seramai 40 anggota untuk bersama Tuanku berjalan kaki sejauh tujuh kilometer.



Pelbagai aktiviti diadakan bersempena Walk With Me 2012 ini antaranya konsert, persempahan kebudayaan, ceramah perdana, Pertunjukan drift kereta, tatu ATM dan jualan serta pameran. Karnival ini turut menampilkan personaliti dakwah, Ustaz Azhar Idrus dan juga Ust Don TV. ☺

## Syarikat Ladang Sungai Terah hargaikan peranan anggota

**GUA MUSANG :** Kejayaan Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd yang menerajui perubahan dalam sektor perladangan terbukti apabila anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan ini mengumumkan pemberian bonus 11 bulan gaji kepada anggotanya.

Selain itu seramai 83 anggotanya yang berkhidmat lebih 10 tahun turut diberi geran hak milik tanah.

Pengumuman bonus dan penyerahan geran tersebut disempurnakan Pengurus Lembaga Pengarah Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd, Datuk Hj. Omar Mohamad pada 17 April lalu.

Hadir sama di majlis berkenaan, Ahli Lembaga Syarikat Ladang Sungai Terah yang juga anggota Parliment Rantau Panjang, YB Siti Zailah Mohd Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perladangan PKINK Berhad, Zazali Japar.

Pada majlis itu juga seramai 23 anak kakitangan syarikat Ladang Sungai Terah yang cemerlang dalam peperiksaan menerima sumbangan disampaikan Siti Zailah. ☺

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat





# PKINK terima kunjungan delegasi Iran

**KOTA BHARU :** Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) disini menerima kunjungan Gabenor Wilayah Qom, Mohammed Hussein dan enam anggota delegasi Iran pada 16 April lalu.

Lawatan tersebut bertujuan bagi mendapatkan maklumat mengenai peranan PKINK sebagai agensi pembangunan ekonomi negeri serta meneroka peluang kerjasama ekonomi antara Iran dan negeri Kelantan.

Delegasi telah mengikuti taklimat mengenai PKINK yang telah disampaikan Timbalan Ketua Eksekutif, Hj Zainal Ab Rahim. Hadir sama di majlis berkenaan, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Sabri Abdullah dan Timbalan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Zainal Abdul Rahim serta Pegawai-pegawai PKINK.

Delegasi Iran turut melawat Kelantan Trade Centre, Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa, Perdana Resort dan Projek Pelabuhan Tok Bali. ☺



## Majlis Pelancaran “Halal Vendor Development Programme” (HVDP)

**BAHAGIAN** Pembangunan Usahawan telah menerima jemputan daripada Halal Development Corporation (HDC) dan Kementerian Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk menguruskendali penyertaan usahawan bimbingan PKINK ke “Halal Vendor Development Programme (HVDP) dan Sesi Padanan Perniagaan 2012 yang telah diadakan pada 8 – 10 Mei 2012 bertempat di Ballroom B, Renaissance Hotel.

Seramai 33 usahawan dibawah bimbingan PKINK dari pelbagai produk telah menyertai program tersebut. Usahawan PKINK telah mendapat perhatian daripada Hypermarket, Giant, Tesco Mydin dan EON untuk memasarkan produk mereka. En. Bunyamin bin Kamaruddin (produk rempah ratus) dan En. Mohd Nasir bin Hj Hussin (produk serunding daging) telah diinterview oleh TV3 dan telah disiarkan dalam Buletin Utama jam 8.30 malam.

Oleh : Bahagian Pembangunan Usahawan



Dengan menghadiri program ini, ianya telah memberi peluang kepada para usahawan untuk memperluaskan lagi produk serta menembusi pasaran luar. ☺



# Ekspo Dunia Perdagangan Islam



*SLST maju selangkah lagi ke hadapan*





# Kelantan ke arah pertanian organik





# 7 Tips Memajukan Perniagaan



**S**etiap perniagaan yang diusahakan mempunyai harapan yang tinggi, agar perniagaan itu terus maju dan berjaya serta dapat mengubah masa depan agar tidak ditindas pihak lain. Tiada sesiapa yang mengharap perniagaan yang dijalankan musnah dengan wang ringgit yang dikeluarkan. Namun, tidak semua perniagaan yang diusahakan mampu menetapkan jumlah pelanggan di dalam atau di luar negara. Tidak kira sebarang jenis perniagaan yang dijalankan samada melibatkan penjualan produk, servis, nasihat dan sebagainya. Kecekalan dan semangat yang kental sangat diperlukan bagi memastikan cita-cita yang diimpikan tercapai. Perniagaan ini bukan sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah. Kerana ia mengambil masa dan memakan tempoh yang agak panjang. Sambutan pelanggan dalam perniagaan yang dijalankan mempunyai beberapa cara untuk dicapai.

Beberapa tips ini perlu diamalkan bagi memastikan perniagaan yang dijalankan menjalinkan pulangan yang lumayan dan memberangsangkan. Perkara pertama yang perlu kita amalkan adalah tips untuk mempelajari tentang keadaan kawasan yang menjadi tempat untuk memulakan perniagaan. Jika kita memulakan perniagaan yang padat dengan penduduk dan menjadi pusat pentadbiran, hasilnya akan positif. Sebaliknya jika kita membuka perniagaan di kawasan kampung yang tiada kemudahan dan sambutan ramai maka, perniagaan kita tidak akan bertahan lama.

## MENGKAJI TENTANG SUASANA DAN KEDUDUKAN

Kita perlu mengkaji tentang latar dan faktor kedudukan tempat baru itu. Jika ia merupakan kawasan yang didiami pelajar dan pekerja, membuka kedai dobi adalah cadangan yang baik. Kerana golongan seperti ini lebih cenderung untuk menghantar

pakaian yang kotor kedai dobi dari dicuci sendiri. Jangan pula di kawasan seperti itu kita mulakan dengan perniagaan besi buruk dan barang kitar semula. Selain itu, kawasan seperti ini juga sesuai dibuka perniagaan makanan dan minuman. Kerana pelajar dan pekerja sentiasa memerlukan tenaga untuk pergi belajar dan pergi bekerja. Katakan juga keinginan untuk memulakan kedai alat tulis dan perkhidmatan potostet di kawasan yang sama. Pendek kata, sesuatu kawasan itu perlu dikaji terlebih dahulu sebelum memulakan perniagaan. Kerana perniagaan ini bukan untuk suka-suka dan main-main, sebaliknya sesuatu yang serius dan berat.



## MENCARI RAKAN KONGSI YANG BOLEH DIPERCAYAI

Tips yang seterusnya adalah mencari rakan kongsi yang boleh dipercayai. Bukan sekadar seorang yang mempunyai wang untuk dilaburkan sahaja. Setidak-tidaknya minat dan hobi pada benda yang sama akan menampakkan lagi



usaha yang dijalankan. Kerana manusia tidak akan jemu dan bosan melakukan sesuatu yang menjadi kegemaran mereka. Katakan Yusri dan Lisa mempunyai minat yang sama dalam bidang penerbitan dan periklanan. Jadi, mereka telah bersetuju dan melaburkan sejumlah wang untuk memulakan perniagaan ini di sebuah kawasan yang menjadi tumpuan. Kerana minta dan pendapat dalam bidang yang sama sangat tinggi, perniagaan mereka semakin maju. Kerana masing-masing memberi komitmen yang baik dalam perniagaan ini. Bukan hanya seorang sahaja yang perlu bekerja, sebaliknya kedua-dua belah pihak rakan kongsi ini. Pendek kata, perniagaan mereka maju kerana minat dan hobi dalam bidang yang sama.

### BERMULA SECARA KECIL-KECILAN

Tidak semua perniagaan itu perlu diusahakan secara besar-besaran yang menelan belanja sehingga jutaan ringgit. Sekadar sebagai hobi dan minat untuk memenuhi masa dan boleh dijadikan sebagai pendapatan sambilan sudah memadai. Contohnya Pak

Abas yang menjalankan perniagaan menjual kerepek di kampungnya. Perniagaan ini adalah perniagaan warisan daripada ayahnya dahulu. Jadi, Pak Abas membantu ayahnya yang telah tua kerana sudah tidak mampu melakukan pekerjaan berat lagi. Semakin lama, minatnya telah mendalam dalam dunia perniagaan dan dia menguruskan sepenuhnya perniagaan ini selepas kematian ayahnya. Pada awal penglibatan dalam dunia penjualan kerepek, arwah ayah Pak Abas bermula dengan menaiki motorsikal sahaja. Selepas Pak Abas mengambil alih, dia telah membuat pinjaman dengan bank untuk mendirikan sebuah kilang pembuatan kerepek yang terletak di belakang rumahnya. Pendapatanya semakin maju tambahan pula semasa musim perayaan dan juga musim perkahwinan. Kerana Pak Abas telah mendapat pengalaman yang banyak semasa membantu arwah ayahnya dahulu. Kini, Pak Abas telah mendirikan lima buah kilang di daerah dalam negerinya.



### MENGUPAH PEKERJA YANG BOLEH DIPERCAYAI

Setelah mempunyai kedudukan yang baik dalam perniagaan yang diceburi, pasti kita ingin meluaskan perniagaan itu. Katakan perniagaan kedai pakaian lelaki dan wanita, membuka cawangan baru memerlukan lebih ramai perkerja untuk menguruskannya. Maka, kita perlu mengupah orang yang boleh dipercayai untuk memastikan perniagaan yang diusahakan selama ini tidak dirosakkan mana-mana pihak yang cuba menjatuhkan kita. Mungkin kita boleh mengupah jiran yang telah lama kita kenali sebelum memulakan perniagaan itu atau juga mengupah kawan-kawan yang sudah kita maklum dengan hati budi mereka. Jika tidak, perniagaan kita akan musnah berikutan ada pihak yang iri hati dengan kesenangan dan kemewahan yang kita capai. Oleh sebab itu, kita perlu menjalin perhubungan yang baik dan tidak bermusuhan dengan semua orang agar kita juga selamat dan perniagaan kita terus maju.

### MEMPUNYAI STRATEGI YANG BERKESAN

Selain itu, untuk memastikan sesbuah perniagaan itu berjaya, kita juga perlu mempunyai strategi yang berkesan. Bukan sahaja perniagaan, setiap pekerjaan yang dilakukan juga memerlukan perancangan yang sempurna. Jika tidak impian itu akan musnah di pertengahan jalan. Contohnya memulakan perniagaan dalam bidang ubat-ubatan dan farmasi. Dalam dunia yang serba canggih dan maju ini, kita sering dihantui dan dibayangi dengan pelbagai wabak penyakit yang disebabkan penyalahgunaan bahan kimia industri, wabak penyakit yang disebabkan bahan kimia berlebihan dalam bekalan makanan seperti sayur dan wabak penyakit berjangkit yang mudah disebarluaskan melalui migrasi manusia atau haiwan. Wabak penyakit berbahaya memang sukar untuk diubati, tetapi kita masih mempunyai peluang untuk mencegahnya. Maka, perniagaan

dalam bidang ubat-ubatan dan farmasi sentiasa mendapat sambutan yang baik kerana kita tidak mampu menjangka saat kita akan ditimpah penyakit. Perniagaan ini adalah perniagaan yang mampu memberi keuntungan kepada pengusaha. Masyarakat hari ini juga semakin bijak untuk menentukan ubat yang berkesan bagi penghalang penyakit merebak.





## MENDENGAR DAN MENGIKUTI KEMAHUAN PELANGGAN

Pihak yang akan menentukan jatuh bangun sesebuah perniagaan itu adalah pelanggan dan orang ramai. Maka, hasrat dan kemahuan mereka perlu diambil kira dan tidak boleh dipandang ringan. Jika tidak, pelanggan akan lari dan kita yang akan mengalami kerugian kerana gagal memenuhi kehendak mereka. Sekurang-kurangnya kehendak pelanggan memberikan kita sesuatu yang baru untuk dicuba dalam dunia perniagaan itu. Contoh yang paling rapat dengan masyarakat adalah perniagaan francais iaitu McDonalds, yang berjaya meluaskan perniagaan ke serata dunia. McDonalds di

India telah menyediakan menu khas bagi penduduk India dengan menyediakan burger ayam. Mereka telah tampil dengan Chicken Maharaja Mac, kerana mereka tidak boleh memakan daging. Selain itu, di Itali pula, mereka telah menyediakan burger yang disajikan dengan daging khinzir. Di Norway pula, burger telah disajikan dengan kepingan daging ikan salmon yang menjadi kegemaran penduduknya. Manakala di Thailand, ia juga disajikan dengan memasukkan perisa tomyam yang disesuaikan dengan selera pelanggan. Tidak kurang hebat juga dengan McDonalds di Malaysia.



## BERSEDIA UNTUK MEMULAKAN PERNIAGAAN YANG BESAR

Perniagaan yang semakin maju menjadi idaman semua usahawan. Tetapi adakah kita sudah bersedia untuk memulakan perniagaan ke peringkat yang seterusnya? Kejayaan kita mampu diukur setelah kita melihat dan merasakan sambutan yang diterima ramai orang. Katakan dulu Iqbal hanya menjual laksa dengan menaiki motorsikal sahaja. Selepas 5 tahun bersusah-payah, dia telah mengumpul wang yang banyak dan membuka sebuah kedai laksa bersama adik lelakinya. Memang cita-cita Iqbal untuk membuka sebuah kedai laksa daripada resipi arwah ibunya. Dia telah bersedia dengan sepenuhnya. Dengan pembukaan kedai baru itu, Iqbal menjadi semakin bersemangat untuk bekerja dan juga untuk merubah masa depannya. Semakin hari, perniagaannya semakin maju. Kerana Iqbal sudah mempunyai pelanggan tetap selama 5 tahun sepanjang dia bermula menaiki motorsikal roda tiga.

Secara kesimpulannya, tips ini perlu diamalkan agar perniagaan yang kita ceburi itu menampakkan hasil dengan titik peluh yang dikorbankan. Kegagalan dan jatuh bangun dalam perniagaan adalah lumrah dan kita perlu bersedia dengan semua kemungkinan yang bakal tiba. Sekali jatuh bukan bermakna kita akan jatuh selamanya. Jadikan perkara ini sebagai pembakar semangat. Pokok pangkal untuk berjaya dalam bidang perniagaan adalah minat yang mendalam, kegigihan dan juga usaha yang tidak pernah kenal penat lelah. Dalam erti kata yang mudah, setiap usaha yang kita lakukan pasti akan membawa hasil apabila tiba masanya nanti. Berusaha dan terus berdoa agar urusan kita diper mudahkan-Nya.



Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat



## PKINK terima kunjungan 5S

### Pusat Kaunseling MAINS

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU :** Setiausaha Jawatankuasa Promosi 5S Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Encik Mahadi Ali bersama 20 Ahli Jawatankuasanya telah melakukan lawatan 5S ke Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pada 4 Jun lalu.

Lawatan 5S tersebut bertujuan bagi mendapatkan pengetahuan tentang aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan berkaitan perlaksanaan amalan persekitaran berkualiti 5S serta kaedah yang dijalankan oleh PKINK.

Taklimat kepada pelawat telah disampaikan oleh Pengurus Bahagian Perancangan Korporat, Puan Nik Farzimar Nik Omar.

Pn Nik Farzimar berkata banyak perkara yang perlu dilaksanakan di peringkat akar umbi agar perlaksanaan ini berjaya mencapai tahap yang dikehendaki. Beliau juga menegaskan kejayaan ini adalah toleransi antara anggota dan pihak pengurusan. Melalui toleransi inilah PKINK berjaya melaksanakannya.

Sepanjang lawatan 5S itu, rombongan juga telah dibawa melawat ke beberapa bahagian antaranya Bahagian Pejabat Ketua Eksekutif, Bahagian Pembangunan Usahawan dan Bahagian Sistem Pengurusan Maklumat bagi mendapat maklumat secara terperinci dan pembelajaran yang lebih praktikal. Rombongan juga diraikan dengan jamuan makan berkonseptan sajian negeri Kelantan.

Rombongan turut melahirkan rasa penghargaan kepada PKINK dan berharap ia dapat diteruskan dari masa ke semasa serta input yang diperolehi hasil dari lawatan itu akan dijadikan panduan untuk memantapkan lagi sistem pengurusan 5S di MAINS itu nanti. ☺



## PKINK naib johan

### Pertandingan Wau Bercahaya

**TUMPAT :** Sempena Tahun Melawat Kelantan 2012, Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan (TIC) telah menganjurkan Pesta Wau Antarabangsa Kelantan kali ke-30 yang diadakan di Pantai Genting, Tumpat pada 5 hingga 9 Jun lalu.

Pelbagai acara menarik telah diadakan sepanjang pesta ini berlangsung antaranya ialah Persembahan Layang-layang Antarabangsa, Pertandingan Membuat Wau, Pertandingan Wau Bercahaya dan juga Pertandingan Mewarna bagi murid Tahun 1 hingga 5.

Bagi pertandingan wau bercahaya yang pertama kali diperkenalkan ini menampilkan 19 pasukan terdiri daripada Piuh Berkuda Tempatan dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri bagi kategori Jabatan Kerajaan. Ianya memberi peluang kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk menampilkan kreativiti dalam menghias wau berkonseptan "PKINK menyirami cahaya kemajuan negeri".

Pada pertandingan tersebut, wau pasukan PKINK telah berjaya mencuri perhatian para juri bagi 3 disiplin yang diperkenalkan seterusnya berjaya merangkul tempat kedua. Kemenangan itu membolehkan PKINK meraih wang tunai sebanyak RM400.00. Wau pasukan PKINK turut menjadi tarikan dan perhatian pengunjung yang hadir.

Pasukan PKINK yang diwakili oleh Mohd Rozi Mohd Noor (Pengurus Pasukan), Tuan Hissam Tuan Mamat (Pegawai Pengiring), Ab Rahman Mat dan Norhisham Mustapa (Pemain) telah ditewaskan oleh pasukan Majlis Daerah Gua Musang yang merangkul Johan Keseluruhan pertandingan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri, Datuk Takiuddin Hassan.

Turut hadir, Yang DiPertua Majlis Daerah Tumpat, Haji Serpudin Mohamad dan Ketua Penolong Setiausaha (Pelancongan dan Kebudayaan), Nik Mohd Hasanuddin Nik Hussain. ☺





# Mesyuarat Agung KPKINKB lantik dua ahli lembaga baru

**KOTA BHARU** : 23 Jun 2012 (Sabtu). mesyuarat agung Koperasi PKINK Berhad telah diadakan bertempat di Dewan Duyung, Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan, bermula jam 8.00 pagi. Seramai 1,118 orang ahli telah hadir. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Haji Mohd. Sabri Abdullah,. Turut hadir ialah Pengurus KPKINKB, Haji Zainal Abdul Rahim dan Timbalan Pengarah SKM Negeri Kelantan, Encik Akram Hassan.



Timbalan Pengarah SKM Negeri Kelantan, Encik Akram, menggariskan tiga (3) faktor utama kenapa sesbuah koperasi itu gagal :-

- Ketidakfahaman anggota terhadap aktiviti koperasinya sendiri
- Kekurangan kemahiran teknikal
- wujud sikap negatif (penyalahgunaan kuasa, budaya jatuh menjatuh sesama sendiri, kepentingan diri dan membantu ke arah permusuhan dan lain-lain)

KPKINKB telah mengambil inisiatif transformasi sebagai menyahut saranan SKM Negeri Kelantan ‘utamakan kebajikan anggota’ iaitu :-

- Mengelakkan elauan kehadiran sebanyak RM80 seorang [peruntukan : RM104,000]
- Mengelakkan elauan makan tengah hari sebanyak RM20 seorang [peruntukan : RM26,000]
- Menaikkan kos cenderahati (diganti tunai) daripada RM25 kepada RM30 seorang [peruntukan : RM39,000]
- Melaksanakan kadar maksima bagi Pembiayaan Khas daripada RM5,000 kepada RM10,000 dan kadar maksima ini akan dibuat kajian dari semasa ke semasa demi membantu anggota bermasalah kewangan
- ‘Re-branding’ laman sesawang KPKINKB dengan usaha-sama ANGKASA secara percuma
- Kumpulan Wang Tabung Tanggungjawab Sosial (CSR) untuk mewujudkan rasa simpati kepada anggota yang bermusibah seperti peraturan yang telah ditetapkan
- Pengwujudan Sistem Penyata KPKINKB memudahkan anggota menyemak penyata akaun menerusi internet dan layarilah menerusi alamat <http://kooppkink.blogspot.com> dengan syarat perlu mempunyai alamat email sendiri
- Pelaksanaan pembinaan projek 18 unit rumah teres 2 dan 3 tingkat serta sebuah rumah banglo 1 tingkat di Desa Koperasi PKINK di Demit, Kota Bharu
- Merancang mengadakan program jalinan bisnes bersama koperasi-koperasi lain yang berminat dengan khidmat nasihat dan bantuan SKM Negeri Kelantan
- Membuka keanggotaan kepada keluarga anggota (menempa catatan baru dalam sejarah penubuhan KPKINKB)
- Meneruskan sektor perdagangan/pengedaran kepada anggota dan Kumpulan PKINK
- Memantapkan perkhidmatan kewangan dari segi pembiayaan barang dan pembiayaan peribadi dengan jumlah yang lebih besar kepada anggota dan pada masa yang sama mematuhi syariah Islam
- Mengusaha bidang perladangan melalui gabungan atau kerjasama strategik disamping menjalankan operasi tapak semaihan dan membekal anak pokok kepada ladang tempatan;
- Menjana keuntungan bersih melebihi RM1.0 juta bermula pada tahun 2013 dan seterusnya mencapai prestasi KPKINKB dalam ‘rangking top 10’.



Beliau juga menyatakan bahawa koperasi merupakan sunnah Rasulullah SAW yang menjurus kepada konsep kerjasama, kesepakatan, kepimpinan dan kejayaan. Beliau juga menyatakan SKM telah menetapkan sasaran kecapaian 5% Dasar Koperasi Negara Fasa II (2011 – 2020) dengan menggariskan lima (5) sektor utama iaitu kewangan, pemborongan & peruncitan,

pelancungan & kesihatan, pertanian & industri asas tani dan perladangan. Disamping itu, SKM terus membuka peluang kepada mana-mana koperasi untuk memohon pinjaman sehingga maksima RM10.0 juta dengan caj yang minima bagi tujuan modal pusingan, kerja kontrak, pembangunan harta tanah, pertanian dan aktiviti kredit.

Ketua Eksekutif PKINK selaku Penasihat KPKINKB, Hj Mohd Sabri Abdullah sewaktu berucap menyarankan agar semua anggota KPKINKB menghayati Ayat ke 2 dalam Surah Al-Maidah bermaksud “*dan tolong menolonglah kamu dalam perkara kebijakan dan taqwa dan jangan kamu tolong menolong dalam perkara dosa dan pelanggaran (ajaran Allah). dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksaannya*”. Beliau mengharapkan semua anggota termasuk saf Anggota Lembaga dan Pengurusan :-

- Mengambil iktibar apa yang diutarakan oleh Y.Bhg. Dr. Aminurrashid bin Yatibin (Pensyarah Kanan UMK) semasa sesi Seminar sebentar tadi
- Melibatkan diri di dalam pelaburan jangka panjang yang dapat memberi pulangan yang berterusan seperti perladangan sawit, dengan hasrat seluruh anggota KPKINKB mendapat manfaat daripada kelulusan Perbadanan mengenai penjualan tanah seluas 1,100 ekar di Mukim Relai, Gua Musang kepada KPKINKB
- Memaksimakan peluang-peluang pembiayaan demi membantu anggota mengatasi masalah kewangan
- Jadikan koperasi kita ini sebagai satu wadah bagi meningkat ekonomi ummah
- Teruskan pembanguan projek seperti di ‘Desa Koperasi PKINK’ disamping membeli tanah-tanah baru yang berpotensi untuk dimajukan
- Laksanakan anjakan paradigma sebagaimana hala tuju yang digariskan oleh Ahli Lembaga Koperasi.

Di antara perkara pokok yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan KPKINKB ke 31 ialah:

- a. Meluluskan pada dasarnya penubuhan Pelaburan Perladangan
- b. Pindaan Undang-undang Kecil KPKINKB 33(1) kepada pengwujudan jawatan Pengerusi Tetap mesyuarat agung dan Timbalan Pengerusi Tetap setiap tiga (3) tahun .
- c. Pemilihan Anggota Lembaga yang baru bagi sesi 2012/2015 adalah Hishamuddin bin Hussein dan Ismail Shauki bin Ibrahim

**SEMENTARA** itu, pada 15 Julai 2012 lalu bertempat di Dewan Serbaguna KPPB, Ladang Sungai Terah satu Majlis Penyerahan Replika Cek bernilai RM1.7 juta oleh Koperasi PKINK Berhad kepada Syarikat Ladang Sungai Terah telah berlangsung. Koperasi PKINK diwakili oleh Setiausaha, Haji Ahmad Farid Haji Mahmood manakala SLST diwakili oleh Pengurus Kewangan & Pentadbiran Syarikat Ladang Sungai Terah, Puan Nazura Haji Zukan bagi pihak Pengurus Besar SLSTSB. Ia turut disaksikan Bendahari KPKINKB, Nor Azuwan Saleh dan Anggota Lembaga KPKINKB, Ismail Shauki Ibrahim serta Pengurusan dan pegawai kanan SLSTSB.

Pembayaran tersebut merupakan bayaran tanda jadi pembelian sebahagian tanah lot 3088 (seluas 1,100 ekar), Mukim Relai, Daerah Chiku, Gua Musang bagi pembangunan ladang kelapa sawit yang mana akan disertai kembali oleh anggota KPKINKB melalui Pelaburan Perladangan yang akan dilancarkan tidak berapa lama lagi. Tawaran minima adalah bermula RM5,000.00 seorang.



# Mesyuarat Agung KSK PKINK

## berjalan lancar

**KOTA BHARU :** 1 April 2012/9 Jamadilawal 1433, Kelab Sukan dan Kebajikan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (KSK PKINK) telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung kali yang ke-31 bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Mesyuarat kali ini merupakan mesyuarat pemilihan Ahli Jawatankuasa yang baru yang diadakan dua tahun sekali. Lebih 120 anggota hadir pada mesyuarat kali ini.

Pemilihan Jawatankuasa KSK bagi sesi 2012 - 2013 ialah untuk Jawatan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Bendahari, enam orang Ahli Jawatankuasa dan dua orang pemeriksa kira-kira. Manakala jawatan Setiausaha dan Penolong Setiausaha adalah lantikan oleh Ahli Jawatankuasa.

En. Ismail Shauki Ibrahim selaku Naib Yang Dipertua KSK PKINK, dalam ucapan alu-aluannya, merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli-ahli yang hadir, dan menyampaikan salam Yang Dipertua KSK PKINK, Haji Mohd Adilan Mat Jusoh yang tidak dapat hadir pada mesyuarat kali ini.

Dalam ucapannya, yang sekaligus merasmikan Mesyuarat Agung KSK pada kali ini, menyeru agar semua ahli-ahli KSK PKINK menggunakan sebaik mungkin peluang-peluang yang disediakan oleh KSKPKINK, baik dari segi kemudahan-kemudahan permainan, rekreasi, pelancongan dan juga kebajikan. Beliau juga mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas sambutan baik di kalangan ahli-ahli terhadap program Rekreasi seperti berkayak, mendaki gunung, memancing dan juga abseling.

Mesyuarat agung kali ini, turut membentangkan pindaan undang-undang bagi KSK PKINK secara keseluruhannya. Pindaan terakhir yang pernah dibuat ialah pada tahun 1995. Pindaan ini melibatkan beberapa perkara, antaranya penambahan yuran bulanan dan penambahan jawatan iaitu seorang Penolong Bendahari. Pindaan tersebut telah mendapat persetujuan ahli-ahli tanpa bangkangan.



**Barisan Ahli Jawatankuasa KSK PKINK bagi sesi 2012 – 2013 ialah sebagai berikut:**

<b>Yang Dipertua</b>	: Ismail Shauki Ibrahim
<b>Naib Yang Dipertua</b>	: Hajjah Ahlaami Ab. Halim
<b>Bendahari</b>	: Nor Azuwan Saleh
<b>AJK</b>	: A. Ubaidah b. Alias
	: Tengku Petra Tengku Wook
	: Mohd Rozi Mohd Nor
	: Tuan Nazir Tuan Man
	: Ridzuan Sidek
	: Hassan Shukri Hussein
<b>Pemeriksa Kira-Kira</b>	: Mohd Hafiez Mat Rais
	: Rasdi Hassan



# Bengkel Pelan Transformasi garap idea perkukuh Kumpulan PKINK

Perkembangan serta perubahan arus ekonomi yang pesat di peringkat global secara langsung telah menjadi pencetus kesedaran tentang keperluan melakukan perubahan agar Kumpulan PKINK lebih berdaya saing dan berdaya maju agar setanding dengan badan-badan korporat lain yang lebih gah.

Rentetan dari itu, pada bulan Jun 2010, pengurusan Perbadanan telah menerima cadangan dari Insight Value Sdn Bhd, sebuah syarikat Bumiputera yang beroperasi di Kuala Lumpur untuk menjalankan Program Pelan Transformasi Kumpulan PKINK. Pelan tersebut merangkumi perancangan jangka panjang, penstrukturkan semula struktur korporat Kumpulan dan organisasi PKINK, hal-hal sumber manusia, pemantauan pelaburan sedia ada, keahlian Lembaga Pengarah Syarikat Anak dan lain-lain.

Pelan tersebut yang telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Lembaga Perbadanan, mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula pada suku ketiga



tahun 2011 dan dalam menjayakan program transformasi tersebut, Bahagian Perancangan Korporat telah menganjurkan Bengkel Transformasi PKINK dengan kerjasama Bahagian Sumber Manusia PKINK serta Syarikat UB Consult Sdn Bhd pada 2 April 2012 bersamaan 10 Jamadilawal 1433 H, bertempat di Dewan Duyung, Perdana Resort, PCB Kota Bharu.

Bengkel separuh hari tersebut yang telah dirasmikan oleh YB. Dato' Husam B. Musa, telah mendapat sambutan memberangsangkan dengan lebih dari 80 jemputan memenuhi dewan tersebut. Antara kenamaan yang dijemput adalah ahli Jawatankuasa Khas Pelan Transformasi PKINK (yang

juga merupakan ahli Lembaga Perbadanan), Pengerusi Syarikat Anak Kumpulan, Pengurusan Tertinggi dan anggota Kumpulan Pengurusan & Professional Perbadanan serta Pengurus Besar dan Penguruan Kanan Syarikat-syarikat Anak Kumpulan.

Bengkel tersebut dianjurkan bertujuan memberi penerangan terperinci berkaitan intipati program transformasi PKINK bagi meningkatkan kefahaman pengurusan bahagian serta syarikat yang terlibat dalam memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan lancar dan jayanya.

Plan transformasi tersebut dibentangkan oleh Ybhg. Hj. Dato' Azmi Bin Mohd Ali yang merupakan seorang peguam tersohor, yang juga merangkap ahli Lembaga Perbadanan.

Sokongan penuh yang dizahirkan oleh kesemua peserta bengkel terutama YB Hj. Zulkifli B. Mamat (Pengerusi Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd), ternyata memberikan suatu tenaga dan semangat baru kepada Kumpulan PKINK dalam menongkah perubahan yang direncanakan bagi mencapai sasaran visi dan misi Kumpulan.





Penyusun : A. Ubaidillah bin Alias

# 12 Keutamaan dan manfaat sedekah



Bersedekah itu termasuk di antara amalan mulia yang sangat digalakkan oleh Islam. Ini kerana terdapat manfaat yang besar dan keutamaan yang banyak di dalamnya. Antaranya adalah sebagaimana berikut :

## 1 Mendapat Naungan Allah pada Hari Kiamat

Dari Abu Hurairah ra, Rasulullah saw bersabda, "Ada tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah pada hari yang tiada naungan kecuali naungan-Nya, iaitu pemimpin yang adil, ..., Seseorang yang mengeluarkan sedekah secara sembunyi-sembunyi, sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diberikan oleh tangan kanannya, dan seorang yang mengingat Allah di tempat yang sunyi dan kedua matanya bercucuran air mata." (HR Bukhari dan Muslim)

## 2 Sedekah Dapat Menghilangkan Kesulitan

Dari Abi Hurairah ra, Rasulullah saw bersabda, "Barangsiapa yang berusaha melepaskan atau melapangkan suatu kesusahan pada seorang mukmin, maka Allah akan melapangkan baginya dari suatu kesusahan di akhirat. Dan barangsiapa berusaha untuk meringankan kesukaran orang miskin, maka Allah akan meringankan kesahahannya di dunia ataupun di akhirat. Dan barangsiapa yang berusaha menutupi keibaian orang Islam, maka Allah akan menutupi keibaianya di dunia ataupun di akhirat. Allah akan selalu membantu hamba-Nya selagi hamba-Nya menolong saudaranya."

## 3 Sedekah Sebagai Penawar

Rasulullah saw bersabda, "Peliharalah harta bendamu dengan cara mengeluarkan zakat. Dan ubatilah penyakitmu dengan sedekah. Dan hadapilah cubaan yang datang bertubi-tubi, dengan doa dan merendahkan diri kepada Allah." (HR Abu Daud)



## 4 Sedekah Sebagai Pelindung dari Api Neraka

Diriwayatkan dari Adi bin Hatim ra bawah ia berkata, "Saya mendengar Rasulullah saw bersabda, 'Jagalah diri kalian dari api neraka walaupun dengan menafkahkan sebiji kurma.'" (HR Bukhari dan Muslim)

## 5 Sedekah Dapat Memadamkan Murka Allah dan Menjauhkan Seseorang dari Su'ul Khatimah

Maksud dari su'ul khatimah adalah kematian yang buruk, iaitu situasi kematian yang tidak disukai manusia. Ath-Thibi menjelaskan bahawa yang dimaksud dengan kematian buruk adalah su'ul khatimah dan penderitaan yang akan dialami seseorang di akhirat kerana pada saat itu ia akan mendapat siksaan dari Allah.

## 6 Sedekah Dapat Mempererat Persaudaraan

Islam adalah agama kasih sayang, menyerukan kepada umatnya untuk berbuat saling kepada orang lain. Orang kaya menyantuni yang miskin, yang kuat melindungi yang lemah, yang sihat menjenguk yang sakit serta mendoakannya, anak kecil menghormati yang tua, yang tua bersikap sopan terhadap yang kecil. Insya allah kalau orang Islam menjalankan hal tersebut, persaudaraan antara mereka akan semakin kuat.

## 7 Sedekah Dapat Menambah Umur Seseorang

Diriwayatkan dari Amr bin Auf berkata, Rasulullah saw bersabda, "Sesungguhnya sedekah seorang muslim dapat menambah umurnya, dapat mencegah kematian yang su'ul khatimah, Allah akan menghilangkan sifat sombang, kefakiran dan sifat berbangga diri darinya." (HR Thabranī)

## 8 Sedekah Sebagai Amal yang Mengalir Sampai Wafat

Ada sebuah hadits yang mengatakan, "Apabila anak Adam meninggal dunia, maka terputuslah amalnya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya." (HR At-Tirmidzi)

## 9 Sedekah Membuat Harta Berkat dan Bertambah

Sesuai firman Allah dalam surah Saba` ayat 39, "Katakanlah, 'Sesungguhnya Tuhanmu me-lapangkan rezeki bagi siapa yang dikehendakinya di antara hamba-hambanya dan menyempitkan rezeki bagi (siapa yang dikehendakinya). Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka Allah akan menggantinya dan Dia-lah Pemberi Rezeki yang sebaik-baiknya." (QS Saba` [34]:39)

## 10 Sedekah Dapat Menghapuskan Dosa Besar

Mu'adz bin Jabal ra berkata, "Saya dalam perjalanan bersama Rasulullah saw, lalu dia menyebutkan hadis Rasulullah saw. Maksudnya bahawa Rasulullah saw bersabda, 'Maukah kamu saya tunjukkan pintu-pintu kebajikan?' Saya menjawab, 'Iya, wahai Rasul.' Beliau melanjutkan, 'Puasa sebagai perisai, dan sedekah dapat melebur kesalahan sebagaimana air memadamkan api.'" (HR Tirmidzi)

## 11 Sedekah Dapat Menghilangkan Siksa Kubur

Rasulullah saw bersabda, "Sesungguhnya sedekah dapat memadamkan panasnya kubur bagi orang yang memberikan sedekah, dan sesungguhnya orang mukmin akan bernaung pada hari kiamat nanti di bawah naungan sedekahnya." (HR Tabrani)

## 12 Sedekah Dapat Menolak Bencana

Bagaimana memahami pernyataan bahawa sedekah itu mampu menolak dan menghindarkan diri dari bencana? Bencana adalah peristiwa yang tidak diinginkan kedatangannya kerana menimbulkan kerusakan. Bencana terbahagi kepada dua, iaitu bencana alam dan bencana kemanusiaan. Bencana alam ini datang dari allah semata kerana merupakan sunnatullah. Bencana yang seperti ini tidak dapat ditolak dan tidak dapat dibendung dengan doa. Manakala bencana kemanusiaan iaitu yang menimpak diri seseorang. Maka ia mampu ditolak dengan doa dan sedekah.

Rasulullah SAW bersabda: "Bersegeralah bersedekah, sesungguhnya bala bencana tidak pernah mampu mengatasi sedekah."

Banyak sekali hadis yang menyatakan betapa pentingnya seorang Mukmin untuk melakukan sedekah. Rasulullah SAW pernah bersabda: "Sesungguhnya sedekah dapat menolak 70 pintu bencana". Sedekah juga sebagai benteng untuk diri kita. Rasulullah SAW bersabda "Bentengilah harta bendamu dengan sedekah".

Semoga kita termasuk dikalangan orang yang dermawan danikhlas dalam memberi sumbangan. Insya Allah!



Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

# Hari Keluarga PKINK kukuhkan ukhwah

**BESUT:** Sambutan Hari Keluarga PKINK yang diadakan di sini mampu menjadi platform dalam mengukuhkan ukhwah.

Kira-kira 400 anggota PKINK dan ahli keluarga masing-masing memeriahkan Hari Keluarga yang pertama kali diadakan di Demong Beach Resort di sini pada 5 hingga 7 April lalu.

Ketua Eksekutif PKINK, Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah ketika menyampaikan ucapan berkata, program tersebut bertujuan mengeratkan silaturahim kakitangan dan ahli keluarga, menyemarakkan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di samping mewujudkan persefahaman dan semangat kerja berpasukan di kalangan anggota kumpulan PKINK sekaligus dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja.

"Program ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan malah meningkatkan persefahaman sedia ada. Kemesraan berinteraksi memperkuuhkan ikatan



silaturahim yang sedia terjalin. Penganjuran program sedemikian amat baik dalam konteks ukhwah dan budaya kerja yang merupakan wadah terbaik menyatukan anggota," katanya.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang 3 hari program berkenaan termasuk acara sukaneka, sukan, pertandingan memancing dan lain-lain acara termasuk pertandingan Paintball, sukan tradisional, cabutan bertuah selain persembahan silap mata dan nasyid.

Lebih menarik, cabutan bertuah turut menawarkan hadiah menarik seperti barang elektrik, basikal dan hamper selain pakej penginapan dan sebagainya yang ditaja oleh beberapa Anak Syarikat PKINK dan syarikat korporat yang lain.

Anggota dan keluarga yang hadir juga dirai dengan jamuan BBQ serta diberi cenderahati sebagai tanda penghargaan PKINK di atas sokongan Hari Keluarga PKINK ini.



# 10+ amalan emel terbaik untuk dikongsi

E-mel digunakan oleh hampir semua orang. Malangnya, banyak pengguna di luar sana tidak menggunakan dengan betul, bermain dengan risiko keselamatan, menggunakan bandwidth yang berlebihan dan mengamalkan etika yang buruk. Berikut adalah beberapa garis panduan asas penggunaan e-mel untuk membantu pengguna mengendalikan e-mel mereka dengan penuh tanggungjawab disamping melindungi organisasi anda.

## # 1: MENGELOAKKAN WABAK VIRUS DAN SPAM

Virus sering disebarluaskan melalui e-mel. Mengurangkan penyebaran virus e-mail boleh dibuat dengan cara :

1. Gunakan perisian antivirus, gunakan hanya perkhidmatan e-mel yang menawarkan perlindungan antivirus automatik
2. Buka e-mel hanya dari sumber yang dipercayai
3. Membuka hanya lampiran yang anda jangka sahaja
4. Mengimbas fail yang dilampirkan dengan perisian antivirus sebelum membuka mereka.



Spam secara asasnya ditakrifkan sebagai e-mel pukal yang tidak diminta dan ianya lebih kurang mel sampah dalam peti surat rumah anda. Sebenarnya spam mewakili lebih daripada kekacauan yang tidak diingini. Ia memenuhi akaun e-mel (peti emel), rangkaian dan pelayan – dalam proses cubaan menjual produk, menyebar lawak jenaka atau menyebarkan hoax Internet.

### Kurangkan jumlah spam yang anda terima dengan:

1. Berhati-hati di mana anda menghantar alamat e-mel anda.
2. Elakkan daripada menerbitkan alamat e-mel anda pada laman-laman web atau menyerahkannya kepada setiap tapak atau organisasi yang meminta.
3. Jangan forwardkan mesej rantaian kerana ia sering mendedahkan alamat emel rakan sekerja dan rakan-rakan lain kepada pihak lain.
4. Berhati-hati apabila menerima e-mel *offers* atau bersetuju untuk menerima emel dari vendor;
5. Melanggan hanya kepada laman web dan *newsletter* yang anda benar-benar memerlukan.
6. Pertimbangkan untuk mewujudkan emel akaun Hotmail atau Yahoo khusus untuk langganan.
7. Jangan buka e-mel yang tidak diminta. Jika anda secara tidak sengaja membuka spam, jangan klik link ditempat yang menawarkan untuk berhenti melanggan (*unsubscribe*) atau mengeluarkan anda dari mailing list kecuali penghantar adalah seorang penjual yang dipercayai.



## # 2: ELAKKAN SERANGAN PHISHING

Penipuan *phishing* direka untuk mencuri maklumat peribadi pengguna. Mereka sering menggunakan mesej e-mel yang dipalsukan dan penipuan untuk menipu penerima ke arah pendedahan maklumat peribadi seperti nombor kad kredit, nama pengguna akaun, kata laluan, dan nombor keselamatan sosial.

Perbankan dalam talian dan e-dagang secara umumnya selamat, tetapi anda perlu sentiasa berhati-hati mengenai pendedahan maklumat peribadi dan korporat melalui Internet. Mesej *phishing* sering memaparkan logo sebenar dan nampak seolah-olah ianya datang dari organisasi sebenar, tetapi mesej tersebut sering tidak lebih daripada pelanggaran hak cipta dan alamat palsu. Jika anda mengesyaki mesej mempunyai sebarang kredibiliti, anda adalah lebih selamat memanggil syarikat itu langsung - sebaik-baiknya pada nombor telefon yang dicetak di atas penyata kertas atau invois - dan bercakap kepada wakil yang diberi kuasa.

## # 3: MENGURUSKAN PETI MASUK ANDA

Susun mesej mengikut keutamaan, subjek, tarikh, penghantar, dan pilihan yang lain untuk membantu mencari emel penting yang memerlukan perhatian anda. Etika e-mel yang betul menetapkan anda membala semua e-mel pada masanya. Secara umum, anda perlu menjawab e-mel rasmi pada hari perniagaan yang sama, walaupun ia hanya sekadar mengatakan anda telah menerima mesej dan akan meneliti perkara itu. Kadang-kadang, anda boleh menerima thread e-mel yang mengandungi jawapan daripada beberapa orang; sentiasa baca seluruh thread sebelum bertindak.

## # 4: MENGARANG MESEJ PROFESIONAL

Ia mudah untuk menyampaikan gambaran bahawa anda tidak profesional atau cuai jika anda tidak mengikut beberapa prinsip asas penulisan perniagaan yang baik. Pastikan anda mengikuti tatabahasa yang betul dan struktur ayat semasa mengarang dan bertindak balas terhadap mesej disamping menggunakan penyemak ejaan. Jangan menaip dalam semua HURUF BESAR kerana ia mencipta kesan menjerit. Memecahkan mesej anda ke perenggan lain untuk logik dan kebolehbacaan.

Sebelum klik butang Hantar, lakukan semakan terakhir. Membaca semula keseluruhan e-mel, memeriksa kesalahan tatabahasa, kesilapan tanda baca dan tipo (*typo*). Anda akan terkejut dengan apa yang anda jumpa nanti. Juga pastikan nada anda sesuai untuk mesej.

## # 6: MENGGUNAKAN CC DAN BCC DENGAN BETUL

Salinan karbon (CC) dan salinan karbon buta (BCC) merupakan ciri-ciri yang ditemui dalam e-mel *clients* yang membolehkan anda menghantar salinan e-mel kepada orang lain yang anda perlu maklumkan tetapi bukan penerima utama.

Apabila menggunakan CC, pastikan mesej e-mel adalah berkaitan dengan mereka. Jika anda menggunakan senarai alamat e-mel (*distribution list/group*), sahkan bahawa semua ahli dalam senarai adalah yang perlu menerima e-mel, dan keluarkan orang-orang yang tidak perlu. Hati-hati menggunakan ciri BCC. Jika topik sensitif memerlukan BCC kepada yang lain, mungkin kaedah yang terbaik adalah untuk *treat* perkara itu secara *offline* dan berbincang secara bersemuka.

## # 5: TULIS BARIS SUBJEK YANG BERKESAN

Menulis subjek emel boleh merumitkan, tetapi anda patut melakukannya. Matlamatnya adalah untuk meringkaskan mesej tanpa terlalu panjang lebar atau terlalu kabur. Subjek yang panjang cenderung untuk skim atau diabaikan, dan mereka tidak selalu di paparkan secara penuh di emel viewers. Untuk kebolehbacaan terbaik, gunakan *sentence case* bagi baris subjek dan bukannya semua berhuruf besar:

*Agenda bagi mesyuarat pada  
3/29/07*

**Bukan**

**AGENDA UNTUK MESYUARAT DI  
3/29/07**



## # 7: PATUHI PERATURAN ETIKA APABILA MEMANJANGKAN PESANAN

Sebelum anda memanjangkan (*forward*) e-mel, pastikan bahawa penerima yang tersenarai adalah yang perlu menerima mesej. Di samping itu, berhati-hati apabila menghantar maklumat sensitif atau sulit. Jangan sesekali mengemukakan maklumat proprietari kepada khalayak ramai atau kepada penerima yang tidak dibenarkan. Sebelum menekan butang Hantar, semak sama ada kandungan mesej adalah sesuai untuk setiap penerima yang disenaraikan.

## # 8: JANGAN MEMIHAK KEPADA PERANG NYALA

Peperangan api (*Flame wars*) dipanaskan melalui pertukaran e-mel yang lebih kepada emosi daripada memberi kebaikan, dan ianya tiada tempat dalam komunikasi profesional. Jika anda menerima api atau tiba-tiba mendapati diri anda dalam perang nyalaan, ambil sedikit masa sebelum bertindak, jika anda bertindak balas pun fikir tentang situasi dan jawab secara rasional bukan secara emosi.

Anda juga boleh memutuskan untuk tidak menjawab, tapi untuk menangani isu itu secara bersemuka. Sering, api peperangan bermula kerana salahfaham yang remeh. Satu komen yang buruk diungkap (atau sebaliknya) boleh di salah anggap oleh penerima, yang kemudian bertindak balas. Tidak menjawab emel malahan lebih disarankan supaya bercakap dan berbincang dengan penghantar. Sekiranya ia tidak menamatkan masalah ini, libatkan seorang pengurus untuk mendapatkan bantuan dalam menyelesaikan isu secara *offline*.



## # 9: LINDUNGI ALAMAT E-MEL

Jangan dedahkan alamat e-mel rakan sekerja anda kepada pembekal-pembekal, kawan-kawan, atau lain-lain di luar organisasi. Sahkan bahawa penerima adalah sebagai yang disenaraikan. *To* dan *CC* sepatutnya akan menerima mesej dan anda tidak akan mendedahkan alamat e-mel orang lain dalam proses. Jangan siarkan emel anda atau alamat e-mel rakan sekerja di forum-forum Internet atau papan buletin, kepada kumpulan-kumpulan Usenet, di dalam bilik sembang, atau di kawasan awam yang lain.

Berikut adalah beberapa cara yang mudah untuk membantu menjaga kerahsiaan alamat e-mel orang lain. Pertama, gunakan ciri *BCC* apabila anda perlu untuk menyembunyikan alamat e-mel mereka daripada khalayak luar. Kedua, memadam alamat mereka daripada mesej yang anda *forward*. Ia hanya mengambil masa beberapa ketika dan akan mengurangkan peluang alamat e-mel rakan sekerja tersebar.

## # 10: PINTAR DALAM MENGENDALIKAN LAMPIRAN

Lampiran E-mel mengambil sejumlah ruang di pelayan dan jalur lebar rangkaian dan sering menjadi pesalah-pesalah di sebalik wabak virus - tetapi ia merupakan cara yang paling mudah untuk memindahkan fail. Cuma pastikan mengikut garis panduan ini apabila berhubung dengan lampiran e-mel:

**@** Jangan melampirkan fail yang besar melalui e-mel; apa-apa yang lebih daripada satu atau dua megabait tidak perlu dihantar melalui e-mel.

**@** Hadkan bilangan fail yang anda lampirkan pada mesej kepada lima atau kurang.

**@** Simpan lampiran kepada *hard drive* anda dan kemudian memadam mesej e-mel yang mengandungi lampiran.

**@** Jangan buka lampiran yang tidak diduga atau yang dihantar oleh pihak yang tidak diketahui.

**@** Sentiasa mengimbas fail dengan program antivirus sebelum membuka lampiran. Jangan sekali-kali klik lampiran tanpa terlebih dahulu mengesahkan bahawa ia adalah bebas virus.

**@** Jangan mengusarkan penerima dengan mengemukakan lampiran yang mereka tidak boleh akses. Jika lampiran memerlukan dibuka menggunakan perisian baru atau perisian yang kurang popular, sila beritahu dalam emel mesej anda.



## # 11: JANGAN MASUKKAN MAKLUMAT SENSITIF ATAU BERPOTENSI MEMALUKAN

Jangan membuat kesilapan berfikir bahawa e-mel adalah rahsia. Lainnya bukan. Fikirkan mereka sebagai poskad. Anda tidak boleh memasukkan apa-apa maklumat di dalam e-mel, yang anda tidak mahu disiarkan di muka depan akhbar tempatan anda. Dalam erti kata lain, jangan hantar maklumat sulit, hak milik, sensitif, maklumat peribadi, atau terperingkat melalui e-mel. Anda juga harus mengelak daripada membuat komen berbau emosi dalam e-mel.

## # 12: TAHU BILA UNTUK MENGGUNAKAN E-MEL (DAN BILA TIDAK)

Urusan perniagaan menyediakan e-mel untuk profesional, penggunaan yang berkaitan dengan perniagaan, bukan untuk jenaka, gosip, atau e-mel rantai. Juga diingatkan bahawa anda tidak perlu menghantar e-mel untuk perbualan. Subjek yang rumit adalah sukar untuk diterangkan secara bersemuka, lebih lagi dalam emel. Sebaliknya untuk mendapatkan penjelasan yang rumit melalui e-mel, adalah lebih baik untuk mengadakan satu mesyuarat pendek untuk menangani isu secara bersemuka.



E-mel juga bukan untuk mengendali perbualan apabila mengadakan perbincangan kritikal, sukar, dan / atau yang tidak menyenangkan, seperti isu-isu yang berkaitan dengan perkara-perkara sumber manusia. Komunikasi terbaik masih lagi adalah komunikasi secara bersemuka. ☺

Sumber petikan dari- [www.techrepublic.com](http://www.techrepublic.com)



## Bengkel Kemahiran Komputer @ Program Cuti Sekolah

Antara Aktiviti Makmal Komputer PKINK

**BENGKEL** Kemahiran Komputer (Program Cuti Sekolah) anjuran bersama Bahagian MIS dan JK IT & Multimedia KSK PKINK pada 30-31 Mei 2012 dihadiri oleh seramai 26 peserta terdiri dari anak-anak anggota kumpulan PKINK berumur 12-17 tahun. Bengkel percuma ini mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dan julung-julung kalinya ‘full house’. Khidmat tenaga pengajar dalam digunakan untuk ketiga-tiga modul Microsoft Word, Microsoft Excel dan juga Microsoft Powerpoint. Pendekatan secara bengkel nampaknya lebih mendapat sambutan lanjutan dari interaksi yang lebih berkesan dari peserta.

Bahagian Teknikal telah dengan jayanya menganjurkan bengkel sehari bersama Microsoft Project 2003 pada 11 Jun yang lalu. Bengkel telah dihadiri oleh seramai 20 peserta terdiri daripada anggota PKINK dan syarikat anak khususnya SPP Development Sdn Bhd. Bengkel telah dikendalikan oleh En. Amizan Abdullah, pensyarah dari Politeknik Kota Bharu. ☺






Dari Jabir r.a katanya:

“Rasulullah s.a.w. bersabda : “Setiap Muslim yang menanam pohon, maka setiap buahnya yang dimakan orang penanamnya memperoleh pahala sesekah. Yang dicuri orang, penanamnya juga memperoleh pahala sedekah. Yang dimakan binatang, penanamnya memperoleh pahala sedekah. Yang dimakan burung, penanamnya memperoleh pahala sedekah. Yang diambil orang, penanamnya juga memperoleh pahala sedekah.”

– Hadith sahih riwayat Muslim






- Restoran ikan bakar / Restoran Chimcum
- 27 lot kedai barang keperluan harian
- Taman permainan kanak-kanak
- Ruang 'parking' yang luas
- Aktiviti menaiki bot 'River Cruise'

Telah  
Beroperasi!

Medan Ikan Bakar,  
Kg Siti Mani, Jalan Kuala Besar,  
Kedai Buloh, 15350 Kota Bharu,  
Kelantan Darul Naim.



MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI  
Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK  
Tel. No: 09-741 4055/4062